

Penagih

tegar salah

guna dadah

dipenjara dan

disebat

SIBU: Seorang penagih yang mempunyai kesalahan lampau membabitkan penyalahgunaan dadah, dijatuhkan hukuman penjara lima tahun berserta satu sebatan oleh Mahkamah Sesyen kerana menyalahgunakan dadah berbahaya jenis Ketamine.

Ting Ding King, 41, yang mengaku bersalah di hadapan hakim Marutin Pagan, diperintah menjalani hukuman penjara itu berkuat kuasa daripada tarikh sebutan pertama kes iaitu 18 Januari 2023.

Tertuduh turut diperintah berada di bawah pengawasan pihak polis selama tiga tahun selepas tamat menjalani hukuman, selain melaporkan diri di Balai Polis Pusat Sibu pada minggu pertama setiap tiga bulan.

Mengikut pertuduhan, Ting didakwa menyalahgunakan dadah berbahaya jenis Ketamine ketika ditahan di pejabat Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Sibu pada 28 Oktober 2022, kira-kira jam 1.50 pagi.

Memandangkan tertuduh telah dijatuhkan hukuman di bawah Seksyen 39C(1) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 oleh Mahkamah Sesyen Miri pada 5 Mac 2019 bagi kesalahan di bawah Seksyen 15(1)(A) ADB 1952, dia dihukum mengikut Seksyen 39C(2), ADB 1952.

Seksyen ini memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 13 tahun dan juga sebatan tidak lebih enam kali, jika sabit dengan kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pada 28 Oktober 2022, kira-kira jam 1.50 pagi, anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak telah menahan tertuduh di Balai Polis Sungai Merah kerana dipercayai terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Ujian air kencing mendapati tertuduh positif dadah jenis Ketamine, yang tersenarai di dalam Jadual Pertama ADB 1952.

Tertuduh juga mempunyai satu kesalahan lampau di bawah Seksyen 39C(1), ADB 1952.